



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA
TAHUN 2023 (ELIMINATE VIOLENCE AGAINST WOMEN (EVAW))**

**DEWAN HILIRAN AMPANG, KUALA LUMPUR
25 NOVEMBER 2023 (SABTU) | 11.30 pagi – 12:30 tengah hari**

Kemas kini 22 November 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini untuk menyambut Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita.
2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada wakil-wakil daripada pelbagai agensi Kerajaan, ahli-ahli Skwad Waja, wakil-wakil daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO),

3

pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), ketua-ketua komuniti dan semua hadirin kerana sudi hadir pada hari ini sebagai tanda sokongan terhadap usaha menangani keganasan terhadap wanita.

(B) LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

Puan-puan dan tuan-tuan,

4

3. Sejak tahun 2000, 25 November telah dipilih sebagai Hari Antarabangsa bagi Menangani Keganasan Terhadap Wanita, melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
4. PBB juga turut memperkenalkan Gerakan 16 Hari Menangani Keganasan Berasaskan Gender atau **16 Days of Activism against Gender-Based Violence**, bermula dari 25 November hingga 10 Disember, iaitu pada tarikh sambutan Hari Hak Asasi Manusia.

5. Kempen ini menjemput kerajaan, pertubuhan antarabangsa serta NGO untuk bersama-sama menganjurkan aktiviti bagi meningkatkan kempen kesedaran, advokasi, dan menggalakkan perkongsian maklumat serta inovasi dalam mencegah dan membasmi keganasan terhadap wanita di seluruh dunia.
6. Warna tema oren atau jingga juga telah dipilih sebagai lambang solidariti terhadap kempen ini. Warna tersebut

melambangkan masa hadapan yang lebih cerah dan bebas daripada keganasan khususnya untuk wanita.

Puan-puan dan tuan-tuan,

(C) MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

7. Isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan seringkali menjadi fokus utama kerana ia melangkaui batas sempadan, agama, bangsa dan budaya.

7

8. Berdasarkan laporan PBB, hampir satu (1) daripada tiga (3) wanita seluruh dunia telah mengalami keganasan fizikal atau keganasan seksual sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka. Tragedi ini telah merebak kepada situasi dan keadaan yang berbeza, termasuk di tempat awam, tempat kerja dan dalam talian (*online*), serta telah diburukkan lagi oleh kesan pasca-pandemik COVID-19.

8

9. Terdapat lima bentuk keganasan yang dikenal pasti boleh berlaku kepada wanita, iaitu penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan sosial, penderaan kewangan serta penderaan psikologi dan emosi.
10. Masyarakat lebih mengetahui mengenai penderaan fizikal dan seksual. Namun begitu, ramai yang kurang sedar mengenai jenis bentuk keganasan lain yang boleh berlaku terhadap wanita.

11. Ugutan, penghinaan, menjatuhkan maruah wanita adalah bentuk penderaan psikologi dan emosi. Manakala, sekiranya seorang wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan masing-masing dan diasingkan dari mendapat sokongan luar, ia dikategorikan sebagai penderaan sosial.
12. Manakala penderaan kewangan pula diterjemahkan sebagai tindakan menghalang seorang wanita untuk mempunyai kebebasan memiliki, berbelanja dan mengawal sumber kewangannya.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

13. Di Malaysia, kes-kes keganasan terhadap wanita masih di tahap membimbangkan. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), **kes keganasan terhadap wanita yang melibatkan keganasan rumah tangga, jenayah rogol dan gangguan seksual** di seluruh negara telah mencatatkan **sebanyak 9,334 kes pada tahun 2021 dan 8,580 kes pada tahun 2022**. Bagi tahun ini pula, **sehingga Ogos 2023, sebanyak 5,050 kes** telah direkodkan.

11

14. Bilangan ini sudahpun tinggi, namun realitinya, masih banyak kes yang tidak dilaporkan oleh kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Kes keganasan terhadap wanita yang paling kerap adalah keganasan yang dilakukan oleh pasangan wanita yang melibatkan suami, bekas suami atau teman lelaki.

(D) PERANAN KPWKD DALAM MELINDUNGI WANITA

Puan-puan dan tuan-tuan,

12

15. Dalam menangani isu keganasan terhadap wanita ini, KPWKM konsisten dalam usaha untuk melindungi wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa keganasan dengan pelaksanaan pelbagai perkhidmatan, program dan inisiatif yang berkaitan.

16. Antara inisiatif yang telah diambil ialah penggubalan **Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840)** yang telah diwartakan pada 18 Oktober 2022. Akta ini merupakan suatu akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual dan diharap

13

dapat membantu pemandiri untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan pampasan sivil dapat diberikan.

17. Sehubungan dengan Akta ini, KPWKM turut melaksanakan **Program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS)** yang bertujuan untuk memberikan kesedaran, dan pendidikan mengenai gangguan seksual agar **budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.**

14

18. Sehingga **20 November 2023**, sebanyak **66 program AAGS** telah dilaksanakan pada tahun 2023 yang melibatkan seramai **19,423 orang peserta**.
19. Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga terlibat dalam **pengurusan mangsa keganasan rumah tangga** berdasarkan kuasa di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

20. Akta ini memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga sama ada melalui Perintah Perlindungan Interim (IPO) atau Perintah Perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah atau penempatan sementara di tempat selamat yang telah diluluskan. Pada masa ini terdapat 43 Rumah Selamat di seluruh Malaysia, di mana pemandiri boleh mendapatkan sokongan dan perkhidmatan, untuk diri dan anak-anak.
21. KPWKM juga berkerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk mewujudkan **Pusat Transit**

Keganasan Rumah Tangga di masjid-masjid di Wilayah Persekutuan. Inisiatif ini dilaksanakan bagi memperluaskan fungsi masjid sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan meliputi keperluan psikososial dan spiritual.

22. Sebanyak **12 masjid** di Wilayah Persekutuan telah dipilih sebagai pusat aduan dan khidmat kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan

17

khidmat nasihat, sokongan psikologi serta kaunseling dalam usaha membina masyarakat harmoni.

23. Manakala bagi pusat transit, mangsa boleh mendapatkan perlindungan di **Masjid Wilayah** Persekutuan Kuala Lumpur dan **Masjid Al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail (TTDI)**. Tempat ini memberikan perlindungan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga sama ada lelaki atau wanita tanpa mengira agama.

18

(E) PENUTUP

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

24. Saya berharap agar semua pihak dapat memandang serius terhadap isu ini dan usaha bersepadu perlu dilaksanakan oleh semua lapisan rakyat Malaysia, termasuklah Kerajaan, masyarakat sivil, komuniti media dan sektor swasta, dalam menangani isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

19

25. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Polis DiRaja Malaysia terutamanya Bahagian Siasatan Seksual, Wanita Dan Kanak-Kanak (D11) yang sentiasa pantas, responsif dan konsisten dalam menyelesaikan kes-kes keganasan terhadap wanita termasuklah kes-kes yang viral di media sosial.

Hadirin sekalian,

20

26. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pembangunan Wanita selaku penganjur program dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga untuk menjayakan program pada hari ini.

21

27. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

*Cari Rezeki Bersama Kawan
Ambil Pesanan Nenek Moyang
Keganasan Wanita Perlu Dilawan
Dilawan Dengan Kasih Dan Sayang*

Sama-sama kita semua HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA!

22

28. Akhir kata, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita Tahun 2023.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
25 November 2023